

# **Kajian Penambahbaikan Kaedah Pembangunan dan Kesesuaian Struktur Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) dalam Era *New Collar Job***

**Perunding:** UPM Consultant Services (UPMCS) Sdn. Bhd. (2022)

## **Abstrak**

Kajian ini memfokuskan kepada penambahbaikan kaedah pembangunan dan kesesuaian struktur Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK), atau lebih dikenali sebagai NOSS (*National Occupational Skills Standard*). Perkembangan pekerjaan dalam era ekonomi gig dan *new collar job* menyebabkan perubahan kepada kandungan dan struktur standard pekerjaan semasa. Sehubungan itu, kajian ini ingin melihat semula struktur dan kaedah pembangunan NOSS sedia ada untuk disesuaikan dengan perubahan tersebut. Metodologi kajian ini adalah berasaskan pendekatan kualitatif iaitu secara penerokaan terbuka (*exploratory*). Kaedah tinjauan literatur secara bersistematik dengan menggunakan dokumen analisis telah digunakan bagi memenuhi objektif kajian yang pertama. Selain itu, enam (6) sesi perbincangan secara kumpulan berfokus (FGD) dan lima (5) sesi temubual mendalam juga digunakan untuk memenuhi objektif yang lain. Input daripada kaedah yang dilaksanakan telah digabungkan bersama semasa analisis untuk dapatan kajian. Data hasil tinjauan terbuka dari pekerja di industri turut dikumpulkan bagi tujuan mendapatkan maklumat tambahan tentang keperluan, penggunaan dan manfaat persijilan kemahiran di dalam dunia pekerjaan. Hasil analisis telah mengenalpasti sebanyak sepuluh (10) dapatan kajian. Perbincangan dapatan kajian adalah meliputi proses pra pembangunan, semasa pembangunan dan pasca pembangunan NOSS. Hasil dapatan kajian turut membincangkan cadangan penambahbaikan untuk pertimbangan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi memantapkan proses pembangunan NOSS di masa hadapan. Keseluruhan dapatan kajian menyimpulkan bahawa kaedah pembangunan dan struktur NOSS sedia ada adalah masih relevan, boleh disesuaikan dengan corak pekerjaan di dalam era *new collar job*, dan setara dengan standard pekerjaan di luar negara.